

BULETIN

Bagi menyampaikan berita-berita semasa berkaitan dengan perjuangan KGMMB, ahli dibekalkan dengan buletin yang dikenali dengan nama SUARA KGMMB. Ahli-ahli juga boleh melayari website **KGMMB** di www.kgmmmb.net untuk mengetahui maklumat terkini.

GABUNGAN

KGMMB bergabung dengan Kongres Kesatuan Guru Dalam Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (**KONGRES**). Tujuh buah kesatuan guru bergabung dalam KONGRES. Kesatuan tersebut adalah seperti berikut :

1. Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat.
2. Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Lepas Maktab Semenanjung Malaysia.
3. Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Agama Malaysia Barat.
4. Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Sekolah Tamil Malaysia.
5. Kesatuan Guru-Guru Besar Malaysia.
6. Kesatuan Guru-Guru Malaya.
7. Kesatuan Guru Bahasa Melayu SeMalaysia.

PERHUBUNGAN

1. Ahli Kongres Cendekiawan Melayu.
2. Ahli Majlis Permuafakatan Pendidikan.
3. Hakim Peringkat Separuh Akhir dan Peringkat Akhir Forum Remaja dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
4. AJK Hari Guru Peringkat Kebangsaan.
5. AJK Menangani Beban Tugas Guru, KPM.
6. Gabungan Badan Bertindak Pemansuhan PPSMI.

HUBUNGAN ANTARABANGSA

1. Pertemuan Guru-Guru Nusantara.
2. **ASEAN** Council of Teachers (**ACT**).

EKONOMI

KGMMB mempunyai sebuah koperasi iaitu **KOPERASI KGMMB BERHAD** yang ditubuhkan pada 1973. Tujuan ditubuhkan adalah untuk membangunkan ekonomi Guru-guru Melayu yang menjadi anggota khususnya melalui pelaburan, perindustrian, peladangan, pembelian tanah dan bangunan, perkhidmatan pembiayaan peribadi, pembinaan dan pembangunan hartanah.

PENDAFTARAN AHLI

Untuk menjadi ahli KGMMB, sila dapatkan borang di ibu pejabat KGMMB, Cawangan KGMMB atau wakil sekolah atau website KGMMB di www.kgmmmb.net. Serahkan kembali borang yang telah diisi ke ibu pejabat KGMMB. Perkara-perkara yang diperlukan :

1. Isikan borang keahlian.
2. Isikan 2 borang BPA 1/79.
3. 2 salinan Kad Pengenalan.
4. 2 salinan slip gaji terbaru yang mengandungi Barcode

PERUBAHAN ALAMAT

Buku Peraturan dan Perlembagaan KGMMB. Peraturan 7 (2) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap ahli untuk memberitahu Setiausaha Agung/-Cawangan dengan segera apabila berpindah tempat tinggal atau bertukar tempat kerja. Ahli-ahli juga boleh terus menghubungi Ibu Pejabat KGMMB di talian 03-40455140/40430336 untuk maklumat pertukaran.

KOPERASI KGMMB BERHAD (Sijil Pendaftaran 4904)

No. 720 Jalan Sentul, 51000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-40411723/25 Faks : 03-40411730
E-mail : admin@kopkgmmmb.com.my
Website : www.kopkgmmmb.com.my
Whatsapp : +6011 - 5961 5369



PENGENALAN

Ditubuhkan pada 14 Disember 1973 di bawah Akta Koperasi Malaysia 1948 pindaan 1993 (Sijil Pendaftaran 4904).

KELAYAKAN MENJADI ANGGOTA

Seorang Guru Melayu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan atau Pegawai Institut Pengajian Tinggi yang menjadi anggota KGMMB. Umur tidak melebihi 52 tahun.

CARUMAN BULANAN KOPERASI

Bayaran Masuk (potongan gaji)	:RM 20.00 (sekali sahaja)
Yuran Saham	:RM 30.00 minima (mulai Januari 2011)
Skim Takaful	:RM 6.00 sebulan (mulai Januari 2019)
Skim Tabung Pendidikan dan Kebajikan	:RM 10.00 (mulai Januari 2014)

Modal Syer sebanyak RM100.00 bagi setiap anggota akan dibuat melalui potongan gaji/saham. Setiap bayaran yuran dibuat secara potongan gaji melalui Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA).

FAEDAH SEBAGAI ANGGOTA

1. Memperolehi dividen atas pelaburan setiap tahun tertakluk kepada keuntungan semasa Koperasi.
2. Skim Takaful dari Koperasi KGMMB Berhad (Derma Kematian) RM20,000.00 - RM 30,000.00 dan sumbangan pengebumian RM1,000.00.
3. Skim Pembiayaan Khas dari RM2,000.00 hingga RM25,000.00 dengan tempoh bayaran balik 12 bulan hingga 60 bulan sahaja (tanpa penjamin).
4. Kemudahan Skim Pembiayaan Peribadi (Tunai) sehingga RM100,000.00 dengan tempoh bayaran balik selama 10 tahun (120 bulan) mengikut kelayakan gaji (tanpa penjamin)
5. Skim Pembiayaan Pengguna (barang) sehingga RM50,000.00 dengan tempoh bayaran balik selama 7 tahun (84 bulan) mengikut kelayakan gaji (tanpa penjamin).
6. Skim Tabung Pendidikan dan Kebajikan Anggota (TPKA) seperti berikut:

FAEDAH	PENERIMA	RM			
		PHD	SARJANA	DIPLOMA	
Melanjutkan Pelajaran	Anggota/Suami/Isteri	RM1,500	RM1,000	RM500	Kuatkuasa Julai 2015
	Anak	RM300	RM300	RM300	
Kecemerlangan Dalam Pelajaran	Anak	STAM/TAHFIZ	STPM/MATRIK/ASASI	SPM (5A KEATAS)	SPM (SEMUA A)
		RM250	RM350 (3.5 PNGK) RM400 (4.0 PNGK)	RM300	RM400
Bencana Alam *Tertakluk kepada Kelulusan ALK	Anggota	Maksima RM1,000			
Kematian	Suami/Isteri Anggota	Biasa / Kemalangan	RM1,000		
	Anak		RM300		
	Ibu/Bapa Kandung/Mertua		RM200		
Hospital*	Anggota	Kadar/sehari			*Min 3 hari Max 20 hari setahun
Bersara	Anggota		RM 600 - RM1,500		Kuatkuasa Julai 2015
Haji / Umrah	Staf / Anggota		RM300		Kuatkuasa Jan 2022



KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT (KGMMB) (Sijil Pendaftaran 425)

No. 720 Tingkat 3, Jalan Sentul, 51000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-40455140/40430336
Faks : 03-40457041
E-mail : admin@kgmmmb.net
Website : www.kgmmmb.net

PENGENALAN

Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB 1968) mengambil tempat Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Persekutuan Tanah Melayu (KPGMPTM 1954) yang sebelumnya Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung (KPGMPS) yang ditubuhkan pada 13 April 1946.

TUJUAN

Memajukan kebajikan ahli-ahli kesatuan dari segi sosial, ekonomi dan pendidikan menurut undang-undang

FALSAFAH KGMMB

KGMMB sebagai kesatuan profesional dalam bidang pendidikan mendukung dan memperjuangkan pembinaan Negara Bangsa berasaskan Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui perancangan dan perlaksanaan peningkatan profesionalisme, kebajikan serta maruah guru Melayu ke arah pembinaan Negara Bangsa yang maju dan dinamik.

WAWASAN KGMMB

Menjadikan KGMMB sebagai satu kesatuan yang berwibawa ke arah meningkatkan martabat dan kecemerlangan guru Melayu serta bangsa Melayu ke arah pembinaan Negara Bangsa yang maju dan dinamik.

MISI KGMMB



MOTO KGMMB

"HIDUP BERBAKTI"

KEAHLIAN

Terbuka kepada semua guru Melayu yang berkhidmat di Sekolah Kerajaan, Institut Perguruan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

YURAN

Yuran Bulanan RM 6.00

Yuran Kebajikan RM10.00

Jumlah Bayaran Bulanan RM16.00 (1 Nov 2018)

Setiap bayaran yuran dibuat secara potongan gaji melalui Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA).

SUMBANGAN KUMPULAN WANG KEBAJIKAN (KWK)

Sumbangan KWK	Butiran	Jumlah
Hadiah Siswa	Hadiah Siswa peringkat Sijil Kemahiran/IPTA/IPTS untuk ahli dan anak ahli.	RM500.00
Rawatan Hospital	Dimasukkan ke Hospital kerajaan dan swasta selama 3 hingga 20 hari.	RM150.00- RM1,000.00
Kematian	Untuk ahli	RM1,500.00
	Suami / isteri	RM1,000.00
	Anak / ibu / bapa kandung ahli.	RM500.00
	Ibu / bapa mentua (berkuatkuasa 1 November 2023)	RM300.00
Bersara	Untuk ahli sahaja.	RM1,500.00
Bencana Alam	Untuk ahli sahaja	RM200.00
Hadiah Perkahwinan Pertama	Untuk ahli Sahaja (berkuatkuasa 1 November 2023)	RM200.00
Kelahiran Anak Pertama	Untuk ahli Sahaja (berkuatkuasa 1 November 2023)	RM200.00
Umrah/Haji	Untuk ahli Sahaja (berkuatkuasa 1 November 2023)	RM500.00

Setiap ahli KGMMB dengan sendirinya menjadi ahli kepada Kumpulan Wang Kebajikan (KWK) kesatuan ini. Faedah yang diberikan ialah:

1. Hadiah Siswa :

- Faedah Hadiah Siswa untuk ahli (tiga kali permohonan untuk tiga peringkat) dan anak ahli (sekali permohonan bagi seorang anak). Pemohon hendaklah menjadi ahli sebelum melanjutkan pelajaran.
- Permohonan bermula setelah mendapat Sijil Kemahiran/ Diploma/Ijazah/Master di IPTA/IPTS sehingga tempoh satu tahun selepas tamat belajar. STPM, Asasi dan Matrikulasi TIDAK layak.
- Salinan Kad Pengenalan (Hadiah Siswa Sendiri), Sijil Kelahiran anak, Surat Tawaran atau Keputusan Peperiksaan atau Diploma/ Ijazah.

2. Rawatan Hospital (Sakit) :

- Dimasukkan ke hospital kerajaan dan swasta.
- Minimum 3 hari dan maksimum 20 hari dalam tempoh satu tahun (12 bulan) bagi tahun semasa.
- Hanya satu permohonan untuk tempoh satu tahun semasa.
- Salinan resit bayaran atau bukti kemasukan ke hospital.

3. Bersara :

- Untuk ahli sahaja.
- Permohonan Faedah Bersara dalam tempoh satu tahun (12 bulan) dari tarikh bersara.
- Salinan Sijil Persaraan atau Kad Pesara.
- Sekiranya ahli telah memohon untuk Faedah Bersara, waris tidak layak untuk memohon Faedah Kematian ahli.

4. Kematian :

- Kematian Ahli.
 - Waris berhak memohon Faedah Kematian untuk ahli dengan menyertakan salinan Kad Pengenalan Ahli dan Sijil Kematian.
 - Permohonan Faedah Kematian Ahli dalam tempoh satu tahun (12 bulan) dari tarikh kematian.
- Kematian Suami/Isteri Ahli.
 - Ahli berhak memohon Faedah Kematian untuk suami/isteri ahli dengan menyertakan salinan Kad Pengenalan Suami/Isteri, Sijil Nikah dan Sijil Kematian.
 - Permohonan Faedah Kematian Suami/Isteri ahli dalam tempoh satu tahun (12 bulan) dari tarikh kematian.
- Kematian Anak/Ibu/Bapa Kandung Ahli.
 - Ahli berhak memohon Faedah Kematian untuk Anak/Ibu/Bapa Kandung ahli dengan menyertakan salinan Kad Pengenalan ahli, Salinan Surat beranak Ahli/ (bagi kematian Ibu/bapa), Salinan Sijil Kelahiran anak (Kematian anak) dan Sijil Kematian.
 - Permohonan Faedah Kematian Anak/Ibu/Bapa Kandung ahli dalam tempoh satu tahun (12 bulan) dari tarikh kematian.
- Kematian Ibu/Bapa Mentua Ahli.
 - Ahli berhak memohon Faedah Kematian untuk Ibu/Bapa Mentua ahli dengan menyertakan salinan Kad Pengenalan Ahli, Kad Pengenalan Pasangan, Sijil Kelahiran Pasangan, Sijil Nikah dan Sijil Kematian.
 - Permohonan Faedah Kematian Ibu/Bapa Mentua dalam tempoh satu tahun (12 bulan) dari tarikh kematian.

5. Bencana Alam

- Untuk ahli sahaja.
- Ahli layak memohon sekali sahaja dalam tempoh setahun.
- Salinan laporan polis dan gambar.

6. Hadiah Perkahwinan Pertama

- Untuk ahli sahaja.
- Perkahwinan pertama sahaja.
- Salinan Kad Pengenalan ahli, Sijil Nikah atau Kad Nikah.

7. Kelahiran Anak Pertama

- Untuk ahli sahaja.
- Anak pertama sahaja.
- Salinan Sijil Nikah atau Kad Nikah, Sijil Kelahiran anak dan salinan muka hadapan rekod kesihatan ibu.

8. Sumbangan Umrah/Haji

- Untuk ahli sahaja.
 - Salinan Kad Pengenalan ahli dan Surat Tawaran Haji/Umrah.
 - Tempoh 12 bulan sahaja.
- Kesatuan juga menyediakan peruntukan sumbangan khas kepada ahli-ahli yang ditimpa musibah atas kes-kes kebajikan yang tidak termasuk di dalam faedah KWK yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun kadar sumbangan khas berdasarkan keputusan mesyuarat Pegawai Kanan.
 - Permohonan Faedah Kumpulan Wang Kebajikan (KWK) dibuat dengan mengisi borang yang boleh diperolehi daripada Kalendar Perancangan, Laman Web KGMMB (www.kgmmmb.net) atau menulis surat permohonan kepada Ibu Pejabat KGMMB dengan menyertakan dokumen mengikut tuntutan di atas.

MASALAH AHLI

KGMMB sedia memberi bantuan kepada ahli-ahli yang mengalami masalah dalam perkhidmatan dan perjawatan. Ia boleh dikemukakan secara bertulis dan hantarkan kepada cawangan masing-masing atau terus kepada Ibu Pejabat. Melalui Biro Bantuan Perkhidmatan, Perjawatan dan Kebajikan, masalah ahli akan dibawa dan diproses pada peringkat lebih tinggi untuk penyelesaian.

CAWANGAN

KGMMB mempunyai 18 cawangan di seluruh Malaysia Barat. Ahli-ahli boleh berurusan dengan KGMMB cawangan masing-masing selain Ibu Pejabat KGMMB. Cawangan KGMMB adalah seperti berikut :

1.KGMMB Cawangan Perlis.	10.KGMMB Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
2.KGMMB Cawangan Kedah Utara 1.	11.KGMMB Cawangan Melaka.
3.KGMMB Cawangan Kedah Utara 2.	12.KGMMB Cawangan Negeri Sembilan.
4.KGMMB Cawangan Kedah Tengah.	13.KGMMB Cawangan Johor.
5.KGMMB Cawangan Kedah Selatan.	14.KGMMB Cawangan Kelantan.
6.KGMMB Cawangan Pulau Pinang.	15.KGMMB Cawangan Terengganu.
7.KGMMB Cawangan Perak Utara.	16.KGMMB Cawangan Pahang Barat.
8.KGMMB Cawangan Perak Selatan.	17.KGMMB Cawangan Pahang Timur.
9.KGMMB Cawangan Selangor.	18.KGMMB Cawangan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

INSURANS

KGMMB mempunyai pakej skim insurans komprehensif khusus untuk ahli yang berminat. Skim insurans ini meliputi perlindungan kemalangan dan 36 jenis penyakit kritikal. Ahli keluarga juga boleh menyertai skim insurans ini.

Pakej : Insurans ZURICH TAKAFUL